

Kejayaan langkah jimat cermat oleh kerajaan

TIMBALAN Menteri Kewangan, **Datuk Sabarudin Chik** berkata, langkah jimat-cermat kerajaan akan dapat membaiki dan mengukuhkan imbang pembayaran negara dan memperkemaskan kedudukan kewangan kerajaan.

"Kedudukan imbang pembayaran dan kewangan kerajaan yang kukuh dan kemas, jelasnya, akan dapat menarik lebih banyak pelabur sama ada dari dalam atau luar negeri.

Di samping itu, ujarnya ketika menjawab soalan **Encik Quah Wee Liam (BN-Kluang)**, langkah itu akan dapat memastikan kedudukan hutang luar negara dan imbang pembayaran dapat diperbaiki.

"Menurutnya, kerajaan mula mengambil langkah berjimat-cermat dan mengurangkan perbelanjaan sebanyak kira-kira **RM3,000 juta** dalam tahun 1982.

"Bagi tahun 1983 perbelanjaan pembangunan dihadkan kepada **RM10.2** ribu juta, sementara bagi tahun 1984 kepada **RM8.7** ribu juta," tambahnya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian **Encik Oo Gin Sun** berkata, sebanyak 711 perjanjian berbentuk pengurusan, bantuan teknikal dan kejuruteraan telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat luar negeri sepanjang tahun ini.

Katanya, tujuan utama perjanjian itu ialah untuk membekalkan kepakaran kepada syarikat tempatan untuk meningkatkan kemampuan mengeluarkan barang-barang yang bermutu dengan kos yang berpatutan.

Menjawab soalan **Haji Azharuf Abidin (BN-Batang Padang)** beliau berkata kementeriaannya sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap mutu keluaran barang-barang tempatan.

"Penelitian rapi di peringkat awal semasa menimbangkan permohonan untuk mendapatkan lesen pengilang adalah antara langkah yang diambil," ujarnya.

Kawalan mutu barang-barang tempatan juga dijalankan secara tidak langsung di bawah beberapa akta yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, ujarnya.

"Peruntukan-peruntukan ini akan membolehkan Kementerian menyekat dan membantulas pihak yang tidak bertanggungjawab menindas orang ramai dengan barang-barang tiruan," jelasnya.

Menteri Perusahaan Awam, **Datin Paduka Rafidah Aziz** pula berkata, hasil pelaksanaan sistem buku daftar di kawasan-kawasan Sungai Baru, Kedah dan di Kelantan telah menunjukkan kejayaan.

Sistem itu, jelasnya ketika menjawab soalan **Encik Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntar)**, telah dapat mengesan dengan segera kejadian-kejadian penyelewengan subsidi di kawasan itu.

"Umpamanya, di kawasan Sungai Baru, pihak LPN dapat menahan pembayaran subsidi melebihi daripada yang sepatutnya seperti yang tercatat di dalam buku daftar pesawah," ujarnya.

Beliau juga menengokkan penggunaan buku daftar pesawah dalam pemberian subsidi harga padi tidak bertujuan untuk



● DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ

menggantikan sistem kupon.

Tujuan-tujuan penggunaan buku daftar pesawah itu adalah untuk memperkemaskan lagi kawalan dalam sistem pemberian kupon dengan menentukan bahawa pesawah-pesawah yang benar-benar mengusahakan sawah dan menjualkan hasil padi mereka sahaja yang menerima kupon subsidi, tambahnya.